

ADAT NAIK RUMAH MASIH DIPUSAKAI

Oleh : ADNAN JAHAYA dan ABD GHANI ON

MASYARAKAT Melayu paling terkenal dengan pegangan adatnya. Berbagai adat masih lagi diamalkan sehingga kini walaupun zaman sudah tidak mengizinkan keadaan itu.

"Adat naik ke rumah" merupakan salah satu adat yang masih subur diamalkan oleh segolongan masyarakat Melayu sehingga kini. Sungguhpun adat ini sudah jarang diperkatakan, apa lagi dipraktikkan, namun masih ada tempat yang cuba mengekalkan tradisi kuno ini dari terus berkubur terutamanya bagi daerah-daerah yang belum diterokai kemajuan.

"Adat naik ke rumah" lebih mirip kepada "Adat meletak kerja" yang mana bahan-bahan yang dipergunakan untuk kedua upacara ini adalah daripada jenis yang serupa.

Adat ini dilakukan oleh sesebuah keluarga yang akan menduduki sesebuah rumah yang belum pernah didudukinya. Umpamanya, rumah yang baru didirikan ataupun rumah sewa. Begitu juga dengan rumah yang didudukinya tetapi telah lama ditinggalkan dan ingin menduduki rumah tersebut semula.

Bahan-bahan yang dipergunakan dalam upacara ini akan disediakan oleh tuan rumah. Antaranya ialah tepung tawar, sirih pinang, daun sirih, pulut kuning, dian, daun pisang, air, bertih, kemenyan dan wang pengeras.

Lazimnya upacara ini akan dilakukan pada waktu malam yang pertama menduduki rumah tersebut. Tok bomoh atau orang yang bertanggungjawab dalam mengendalikan upacara ini terlebih dahulu akan mencari tempat yang sesuai untuk pemujaan. Tempat yang dipilihnya nanti akan dipanggil ibu tiang atau biasa disebut sebagai "tiang seri".

Setelah itu, Tok Bomoh akan mengadap tiang seri tersebut. Buyung yang penuh berisi air akan diletakkan di atas daun pisang di hadapannya. Kemenyan dibakar dan bahan-bahan yang lain diletakkan di sisinya.

Dua batang dian dinyalakan. Satu daripadanya dilekatkan pada tiang seri manakala yang satu lagi dilekatkan di pinggir mulut buyung.

Tok Bomoh lebih suka menggunakan dian, barangkali kerana ia lebih mudah melekat atau kemungkinan juga dipengaruhi oleh faktor konvensional (kelaziman) yang mana suatu ketika dahulu mereka tidak pernah mengenali lilin. Ketika jampi-menjampi dijalankan, bau kemenyan yang semerbak menusuk hidung akan menambahkan lagi suasana baru di dalam rumah tersebut.

Beberapa ketika kemudian dian yang diletakkan di pinggir mulut buyung tadi diambil dan cairannya dititiskan ke atas air di dalam buyung tersebut sehingga beberapa titis.

Selepas dian itu diletakkan semula pada tempatnya, Tok Bomoh akan menepuk tiang seri dengan sekuat tenaga sebanyak dua kali berturut-turut. Tindakan ini menandakan upacara pemujaan sudah berakhir. Namun keseluruhan upacara ini masih belum selesai.

Setelah upacara pemujaan selesai dijalankan, Tok Bomoh akan mengarahkan tuan rumah memercikkan tepung tawar dengan menggunakan daun-daun sirih yang telah disusun itu.

Tepung tawar dipercikkan pada keseluruhan rumah termasuk pinggan-mangkuk dan perabot. Selepas itu tepung tawar tadi dipercikkan pula di luar kawasan rumah sehinggalah sampai ke pintu pagar.

Setelah itu akan dibacakan doa selamat dengan menjemput seorang yang dianggap alim oleh masyarakat kampung tersebut. Selesai doa dibacakan, makanan pun dihidangkan untuk dijamah oleh orang-orang yang hadir.

Pulut kuning yang dibawa dari tempat pemujaan tadi turut dihidangkan. Dengan itu berakhirlah "adat naik rumah" warisan nenek moyang itu. Tuan rumah pula akan berasa puas kerana kewajipannya selama ini sudah dilaksanakan.

Menurut kepercayaan, adat ini tidak boleh diabaikan kerana kononnya bencana akan menimpa keluarga yang berkenaan. Justeru itu, segala harta benda orang yang tidak mengamalkannya akan cepat binasa atau hilang sebagainya.

Kononnya juga, tempat yang dipercikkan tepung tawar itu akan terjamin keselamatannya. Sejauh manakah kebenarannya tidak dapat dipastikan.

Walaupun adat pemujaan ini ternyata bertentangan dengan akidah Islam namun masih kedapatan segelintir masyarakat Melayu yang mengamalkannya. Amalan ini disebabkan kebanyakan mereka tinggal di tempat yang agak terpencil dan masyarakatnya masih bersikap ortodoks. Lantaran itu adat yang dipusakai oleh nenek moyang mereka itu akan diwarisi pula hingga kepada anak cucu mereka kelak.

Ada juga yang beranggapan bahawa ini adalah satu upacara keagamaan kerana selepas pemujaannya akan diadakan bacaan doa selamat yang diketuai oleh "Tok Alim" di perkampungan tersebut.

Apa yang menjadi realiti sekarang, adat ini masih lagi kedapatan pada kawasan-kawasan yang terpencil. Mereka masih mahu mempertahankan tradisi yang dipusakai sejak nenek moyang mereka lagi.

Kononnya juga, tempat yang dipercikkan tepung tawar itu akan terjamin keselamatannya.

Sejauh manakah kebenarannya tidak dapat dipastikan.

Masyarakat Melayu moden hari ini sudah mula menyedari hakikat kehidupan sebenar. Justeru itu mereka tidak mengindahkan lagi tradisi kuno yang diamalkan oleh kaum Melayu ortodoks kerana ia bukanlah satu kewajipan yang perlu dilaksanakan.

Satu ketika nanti adat ini akan hanya diabadikan dalam lipatan sejarah apabila masyarakat sudah mula mencelikkan mata kepada sesuatu yang realiti. Ketika itu masyarakat Melayu akan lebih menyedari bahawa kehidupan mereka tidak perlu bergantung kepada tradisi pemujaan yang sesekali menyekat kemajuan hidup mereka. Sebaliknya kemajuan hidup mereka akan bergantung terhadap kegigihan usaha mereka sendiri.

***Kalau masuk ke dalam liang,
Berjaga jaga digigit ular,
Besar pasak dari tiang,
Besar sendal dari pelegar.***